Berikan **SINONIM (PERKATAAN SEERTI)** bagi perkataan yang bergaris dalam setiap ayat.

kesan	kepentingan	prihatin	keselesaan	bijaksana
dekad	menghalang	menjaga	kesedaran sivik	serius
kegiatan	timbul	bekerjasama	membantu	adukan
perubahan	kebahagiaan	terdedah	kesedaran	pengawalan

1. Pasukan keselamatan akan berusaha **menyekat** pendatang tanpa izin itu mencerobohi Kawasan sempadan negara. (_____)

2. Peluang pekerjaan **terbuka** luas di negara kita ini. (_____)

3. Murid-murid itu di bawah **pengawasan** guru mereka. (_____)

4. Dia sudah **pandai** mengurus adik-adiknya. (_____)

5. Walaupun bangunan sekolah kami ini sudah hampir dua **dasawarsa** tetapi kelihatan seperti baharu. (_____)

6. Semua **aktiviti** kokurikulum hujung minggu ini dibatalkan. (_____)

7. **Keharmonian** sesebuah rumah tangga itu amat penting bagi menjamin perkembangan minda anak-anak yang sihat. (_____)

8. Kegagalan itu telah menimbulkan **keinsafan** di dalam dirinya. (_____)

9. Ibu dan ayah saya sentiasa memberikan **keutamaan** dalam bidang Pendidikan. (_____)

10. Dia tiba-tiba **muncul** pada hari itu setelah sebulan menghilangkan diri. (_____)

11. Suaranya jelas dan **tegas** dalam menyatakan pendiriannya. (_____)

12. Guru-guru sekolah kami sentiasa **ambil berat** tentang disiplin dan kebajikan para pelajar. (_____)

13. **Kesenangan** dan kemewahan hidup yang dinikmati oleh keluarganya itu kerana peninggalan harta pusaka datuknya yang banyak. (_____)

LIVEWORKSHEETS

14. Anak jiran di sebelah rumah saya itulah yang **menolong** budak itu daripada mati lemas. (_____)

15. Sebagai anggota masyarakat yang baik, kita hendaklah **saling membantu** supaya wujudnya kesejahteraan dan keharmonian. (_____)

16. **Laporkan** segera kepada pihak polis sekiranya anda melihat adanya sesuatu kegiatan yang mencurigakan. (_____)

17. **Pertukaran** guru-guru di sesebuah sekolah itu adalah menjadi perkara biasa. (_____)

18. Oleh sebab **perasaan bertanggungjawab** terhadap kebajikan anak-anak yatim itu, dia bersedia untuk menanggung semua perbelanjaan persekolahan mereka. (_____)

19. **Akibat** banjir baru-baru ini, penduduk di kampung itu mengalami kerugian dan kerosakan harta benda. (_____)

20. Walaupun saya anak angkat tetapi ibu dan ayah angkat saya **memelihara** saya dengan penuh kasih saying. (_____)

LIVEWORKSHEETS